



Dr Mahathir hadir pada Majlis Ambil Cakna bersama Warga Pendidik Terengganu, di Kuala Nerus, semalam.

'Ubah kurikulum sekolah'

➔ Tiga aspek jadi tumpuan bentuk peribadi lebih baik kepada setiap warganegara

BH - 8/11/2019 CM/RS

Oleh Fitri Nizam dan Baharom Bakar
cnews@nstp.com.my

➔ Kuala Nerus

Kerajaan akan mengubah kurikulum di sekolah dengan memberi tumpuan pada tiga aspek penting iaitu penguasaan terhadap ajaran Islam sebenar, ba-

hasa Inggeris serta ilmu sains dan teknologi.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata objektif dasar pendidikan negara bukan hanya memberi ilmu kepada anak-anak, malah turut membentuk peribadi yang lebih baik kepada setiap warganegara.

Justeru, beliau berkata, kerajaan dan warga pendidik perlu memberi tumpuan kepada ajaran agama Islam dengan nilai hidup yang patut dipegang oleh orang Islam.

Kuasai al-Quran

"Dalam soal agama, kita dapati ramai antara kita yang boleh hafal al-Quran, tapi tidak ramai yang faham isi kandungannya, sedangkan al-Quran itu adalah panduan utama kepada umat Islam.

"Hafal sahaja tanpa mengetahui isi kandungannya tidak akan memberi panduan kepada kita.

"Hari ini, walaupun kita lihat orang Islam begitu kuat pegangan mereka pada agama, tidak tinggal solat, puasa, bayar zakat, kerjakan haji dan lain-lain lagi, ajaran Islam yang terdapat dalam al-Quran tidak difahami dan dipatuhi," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Ambil Cakna bersama Warga Pendidik Terengganu, di sini, semalam.

Yang turut hadir, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar Terengganu, Dr Ahmad Samsuri Mokhtar dan isteri, Tuan Faizah Tuan Ab Rahman; Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah dan Pengarah

Pendidikan negeri, Shafruddin Ali Hussin.

Dr Mahathir turut meminta supaya isu penguasaan bahasa Inggeris tidak dijadikan modal politik oleh mana-mana pihak semata-mata untuk meniadakan penguasaan ilmu, sekali gus mahu warga pendidik memberi keutamaan terhadap dasar kerajaan itu.

"Penguasaan bahasa Inggeris tidak menjadikan kita bukan Melayu, India atau Cina. Ia hanyalah untuk menguasai ilmu yang ada pada mereka (Barat), dengan menguasai bahasa mereka.

"Ilmu sains dan teknologi datang kepada kita dalam bahasa Barat. Oleh itu, kita perlu kuasai bahasa Inggeris untuk mendapatkan ilmu itu supaya dapat memajukan negara dengan teknologi lebih canggih," katanya.